

PM mahu ekosistem logistik negara diperkukuh

Syarikat perlu tumpu tingkat kemahiran pekerja melalui pusat kecemerlangan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Sepang: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu ekosistem logistik negara diperkukuhkan lagi bukan sahaja kemudahan prasarana, tetapi juga peningkatan kemahiran pekerja dalam bidang berkenaan.

Perdana Menteri berkata, perhatian kerajaan pada masa ini adalah dalam bidang perindustrian, pendigitalan, peralihan tenaga dan semikonduktor yang tentunya ia akan menuntut ke-

mudahan dan perkhidmatan dalam ekosistem logistik yang terbaik.

Katanya, apabila pelabur masuk ke negara ini umpamanya ke Selangor, Johor, Kulim Hi-Tech, Sabah dan Sarawak, mereka akan melihat keupayaan ekosistem keseluruhannya.

Justeru, beliau mahu Kementerian Pengangkutan, Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan syarikat berkaitan logistik memberikan tumpuan yang lebih dalam bidang itu memandangkan tahap kepesatan perubahan terlalu cepat dan sekiranya jentera negara lembap, sudah pasti Malaysia akan ketinggalan.

“Apabila disebut ekosistem logistik, ini bukan sahaja urusan DHL.

“Maknanya, rakan kita yang berkaitan sama ada MAHB, Kementerian Pengangkutan, Kastam, Imigresen dan seluruh prasarana dan logistik itu harus diambil kira. Kalau tidak, ia tidak

disebut ekosistem.

“Ekosistem kian bertambah bukan sahaja setakat kemudahan prasarana, tetapi juga melatih, memberikan perhatian supaya ia menjadi pusat kecemerlangan dan melatih pekerja yang tertumpu dalam bidang ini,” katanya pada majlis perasmian DHL Express Malaysia Kuala Lumpur Gateway di sini, smalam.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Jana Santhiran Miniayan, Pengarah Urusan DHL Express Malaysia dan Brunei, Julian Neo dan Ketua Pegawai Eksekutif Asia Pasifik DHL Express, Ken Lee.

Tingkat upaya anak muda

Perdana Menteri juga mengusulkan kepada DHL Express supaya turut memberikan perhatian khusus dalam meningkatkan kemahiran pekerja melalui satu pusat kecemerlangan.

Malah, beliau menyarankan

supaya latihan yang diberikan itu lebih daripada kemahiran biasa.

“Peningkatan kemahiran penting memandangkan kita sudah tumpu dalam bidang automasi, dalam bidang digital dan juga kecerdasan buatan (AI).

“Saya percaya DHL sebagai syarikat gergasi mampu mengupayakan anak muda dalam bidang ini,” katanya.

Bertempat di Terminal 1 Kargo Udara KLIA (KACT1), Kuala Lumpur Gateway adalah salah satu daripada lima kemudahan seumpamanya dalam rangkaian udara dan darat DHL Express Malaysia.

Ia termasuk 20 pusat khidmat, kira-kira 170 lokasi runcit, lebih 300 kenderaan penghantaran, lebih 60 penerbangan mingguan, empat pesawat, dan tenaga kerja seramai 1,300 orang.

Kemudahan baharu DHL Express itu membabitkan pelaburan RM300 juta, pelaburan terbesar syarikat logistik itu di Malaysia setakat ini.